


INTER LIBRARY LOAN	MC
CIRCULATION	
ORDER NO. GIFT	LOCATION:
DATE RECEIVED 06/05/02. 01	
ACC. NO:	128849
CALL NO:	

DECLARATION OF AUTHOR'S RIGHTS

The copyright of this thesis belongs to the author under the terms of the Copyright Act, 1987 (Act 332) Due acknowledgement must always be made of the use of any material contained in, or derived from this thesis.



TAJUK
PERLAKSANAAN ZAKAT GAJI
DENGAN
KAJIAN AKTA ZAKAT

OLEH
Hamdi Bin Othman (G 901380)

DI BAWAH PENYELIA
Al-Ustaz Abdul Wahab Bin Hj. Hamid

KERTAS PROJEK
Untuk Memenuhi Syarat-Syarat
Diploma Undang-Undang Dan
Pentadbiran Kehakiman Islam

KULIYYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
Jalan Universiti, Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
SESSI 1991/92

**PERLAKSANAAN ZAKAT GAJI
DENGAN KAJIAN ZAKAT**

Muka Surat

PENDAHULUAN

1

**BAB PERTAMA
ZAKAT DAN KEDUDUKANNYA DALAM ISLAM.**

FASAL PERTAMA :	PENGERTIAN ZAKAT.	4
	PENGERTIAN GAJI.	8
FASAL KEDUA :	KEDUDUKAN ZAKAT DI MEKAH.	10
	KEDUDUKAN ZAKAT DI MADINAH	16
FASAL KETIGA :	HUKUM ZAKAT.	23

**BAB KEDUA
PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIPERHATIKAN**

FASAL PERTAMA :	SYARAT-SYARAT HARTA YANG HENDAK DITUNAIKAN ZAKAT	33
FASAL KEDUA :	2.2.1 : ASNAF ZAKAT.	43
	2.2.2 : PENUNAIAN ZAKAT KEPADA SEBAHAGIAN ASNAF SAHAJA.	51

**BAB KETIGA
ZAKAT PENDAPATAN**

FASAL PERTAMA :	PENDAPAT FUQAHÀ' MENGENAI ZAKAT GAJI.	60
FASAL KEDUA :	3.2.1 : ZAKAT GAJI DAN PENDAPATAN LAIN. 3.2.2 : UNDANG-UNDANG ZAKAT DI MALAYSIA.	72
FASAL KETIGA :	KADAR NISAB GAJI DAN PENDAPATAN BEBAS.	85
FASAL KEEMPAT :	ZAKAT WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP).	88
FASAL KELIMA :	CARA MENUNAIKAN ZAKAT GAJI.	93
PENUTUP.		96
RUJUKAN.		99

اللهم علني وجندي ببركاتك

اللهم رب العالمين والملائكة والسلام على أشرف
الأنبياء والمرسلين وعلى آله وأمّه طاهيه وانتابعيه
وتابع التاجرين وتابعيه بمحسان إلى يوم الدين.

PENDAHULUAN.

Kini kita telah merasai timbulnya kesedaran dikalangan umat Islam di sana sini berusaha mengamalkan ajaran Islam secara bersungguh-sungguh. Di dalam era kebangkitan sekarang, majlis ilmu bercambah di masjid, di pejabat di seluruh negara. Majlis Qiamullail berjemaah telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Mereka yang menyertainya adalah terdiri daripada golongan awam yang mula sedar dengan tuntutan sebenar Islam. Mereka mula mencari dan mengamalkan rukun Islam yang lima dan mengamalkan Islam sebagai cara hidup sepenuhnya.

Zakat adalah merupakan salah satu rukun Islam yang lima, yang diwajibkan ke atas orang-orang Islam selain dari merupakan salah satu ibadat, ia juga merupakan salah satu cara yang berkesan yang diperkenalkan oleh Islam untuk mewujud dan menegakkan jaminan keadilan sosial dalam masyarakat. Justeru itulah menurut pandangan Islam, zakat tidak dianggap sebagai pemberian sukarela yang diberikan oleh orang kaya kepada golongan yang berhak menerimanya, malah ia adalah hak golongan tersebut yang wujud dalam harta yang dimiliki oleh orang yang berada.

Di Malaysia terdapat kalangan tertentu sahaja yang menunaikan kewajiban zakat. Biasanya para petani yang menanam padi, sebilangan para peniaga, pengusaha dan sebilangan orang yang makan gaji, samada dalam sektor awam atau swasta.

Sebenarnya kewajiban untuk membayar zakat, jika diteliti kepada fungsi dan matlamatnya, adalah terkena ke atas ramai lagi umat Islam di tanah air kita. Ada kemungkinan sebahagian dari mereka tidak menyedari bahawa mereka dikenakan zakat. Mungkin sebilangan yang lain pula kurang jelas dan arif bagaimana cara untuk mentaksirkan kadar zakat yang wajib atas dirinya dan mungkin ada golongan kecil yang cuba mengelak diri dari membayar zakat kerana berpegang kepada pendapat bahawa zakat tidak dikenakan terhadapnya.

Sebagai seorang Muslim yang beriman kita sepatutnya berusaha untuk menuaikan rukun-rukun Islam dengan sepenuhnya dan dengan cara yang sempurna. Dalam hubungan ini kewajiban menuaikan zakat adalah sama kedudukannya dengan ibadat lain seperti sembahyang, puasa dan haji.

Kegagalan untuk menuaikan zakat jika kita wajib mengeluarkannya, tentunya menjaskan iman serta kedudukan kita sebagai seorang Islam yang bertaqwah kepada Allah.

Kertas projek ini diharap dapat memberikan gambaran serta kepakaran kepada masyarakat Islam mengenai kewajiban zakat, harta-harta yang diwajibkan zakat, bagaimana untuk mentaksirkan kadar zakat yang dikenakan. Syarat harta yang diwajibkan zakat, kadar zakat yang wajib dikeluarkan serta lain-lain masalah yang berkaitan dengan zakat gaji atau pendapatan.

Sehubungan dengan ini saya merakan ribuan terimakasih kepada penyelia kertas projek ini iaitu Ustaz Abdul Wahab bin Abdul Hamid kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar dan panduan dalam menyiapkan kertas projek ini.

Begitu juga ribuan terima kasih saya ucapakan kepada pihak Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa yang memberi kerjasama yang jitu dalam menjayakan kertas projek ini.

Seterusnya jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada ke dua ibubapa saya yang berjaya mendidik saya hingga dapat menjakkan kaki ke menara gading. Begitu juga kepada ustaz-ustaz dan tenaga-tenaga pengajar yang telah banyak mencerahkan ilmu pengetahuan kepada saya. Semoga Allah dapat membalas ganjaran yang setimpal kepada semua pihak ^{menjayakan} kertas projek ini.

Amin Ya Rabbal 'Alamin.

BAB PERTAMA

ZAKAT DAN KEDUDUKANNYA DALAM ISLAM

FASAL PERTAMA : PENGERTIAN ZAKAT

Dari segi bahasa zakat merupakan kata dasar atau masdar dari perbuatan “*Zaka*” (زكاة). Sesuatu itu *zaka* bererti tumbuh dan berkembang. Seseorang itu *zaka* bererti orang itu baik. Maka zakat bererti berhak, tumbuh, bersih dan baik¹.

Menurut lisan al-Arab, zakat dari segi bahasa ialah suci, tumbuh, berhak dan terpuji. Semuanya digunakan di dalam al-Qur'an dan al-Hadith².

Tetapi yang terkuat menurut al-Wahidi dan lain-lainnya kata dasar “*Zaka*” bererti bertambah dan tumbuh sehingga boleh dikatakan tanaman itu *zaka* ertinya tumbuh. Sedangkan setiap sesuatu yang bertambah disebut *zaka* ertinya bertambah. Bila sesuatu tanaman tumbuh tanpa cacat, maka kata *zaka* di sini bererti bersih.

Apabila seseorang diberi sifat *zaha* dalam erti baik maka bererti orang tersebut lebih banyak mempunyai sifat yang baik. Ayat “*Hakim Zahka Saksi*” bererti hakim menyatakan jumlah saksi diperbanyakkan.

Zakat dari segi istilah fiqh ialah “*sejumlah harta tertentu yang diwajibkan Allah untuk diserahkan kepada mereka yang berhak*” disamping bererti “*mengeluarkan jumlah tertentu*

¹ Al- Mujar Al-Warith, Majma' Al-Lughah Al-Arabiyyah, Kairo. jil. 1, hal 398.

² Dr. Yusuf Al-Qardawi, Fiqh Al-Zakah, Muassasah Al-Risalah, Beirut, (1986) jil. 1, hal 37.

itu sendiri". Jumlah yang dikeluarkan dari harta itu disebut zakat kerana jumlah yang cukup nisab yang dikeluarkan itu bertambah banyak, membuatkan lebih bererti dan melindungi harta tersebut dari kebiasaan. Ini adalah seperti yang dinukilkkan oleh Imam Nawawi dari al-Wahidi¹.

Ibnu Tamiyah berpendapat "jiwa orang yang berzakat menjadi bersih dan hartanya akan bersih pula dalam erti kata lain bersih dan bertambah"².

Erti "tumbuh" dan "suci" tidak digunakan hanya untuk jiwa orang yang menzakatkannya. Sesuai dengan firman Allah .

3. ﴿وَمِنْ أَمْوَالِهِمْ مُّكَفَّرٌ بِمَا كَسَبُوا وَمِنْ حَلَالٍ﴾

Ertinya :

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengan engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk)" ⁴

Azhari berkata bahawa zakat juga mencipta pertumbuhan bagi orang-orang miskin. Zakat adalah cara atau usaha terbaik yang membuatkan zakat tidak hanya mencipta pertumbuhan material dan spiritual bagi orang-orang miskin sahaja, tetapi mengembangkan jiwa dan kekayaan orang-orang kaya.

¹ Imam Al-Nawawi, Al-Majmu' Syarh Al-Muhassab, jil 5, hal. 324

² Abdul Rahman bin Muhammad bin Qarim al-Hashimi, Al-Najdi Al-Hambali, Majmu Fatawa Shaikbul Islam Ibnu Taimiyah, jil. 25, hal. 8.

³ Surah at-Taubah: 103

⁴ Sheikh Abdullah Basheih, Tafsir Pimpinan Al-Rahman, JPM, hal 457.

Imam Nawawi memetik kata dari pengarang kitab Al-Hawi, “*zakat adalah kata Arab yang sudah dikenali sebelum Islam dan telah banyak dipakai pada syair-syair mereka. Ini menunjukkan zakat telah lama wujud*”.

Daud Al-Zahiri berkata “*kata tersebut tidak mempunyai asal-usul. Keberadaan ianya hanya dikenali melalui agama*”.

Pengarang Kitab Al-Hawi berkata “*Pendapat itu sekalipun salah tetapi banyak pengaruh positifnya terhadap hukum-hukum zakat.*”¹

Setelah kita mengerti apa yang dihuraikan di atas, kita tidak dapat membenarkan dakwaan seorang oreintalis Yahudi yang bernama “Schacht” penulis judul “zakar” dalam Kitab Dairah Al-Ma'rif Al-Islamiyyah bahawa Nabi Muhammad s.a.w. menggunakan kata “zakat” itu untuk erti yang lebih luas dari sudut penggunaan bahasa. Ianya diambil dari kata Yahudi. Dalam bahasa Yahudi Aramiyah terdapat kata “zakat”. Di Mekah Nabi Muhammad s.a.w. selalu menggunakan kalimah zakat dan pecahan-pecahan kata za'ka yang bererti bersih dan dihubungkan dengan zakat itu sesuai dengan penggunaan bahasa bangsa Arab. Pecahan-pecahan kata itu sendiri tidak terdapat dalam al-Qur'an, dengan kata lain ianya tidak terdapat dalam bahasa Arab Asli tetapi diambil dari bahasa Yahudi yang bererti “taqwa”.² Mereka sebenarnya dipengaruhi oleh prasangka-prasangka dan hawa nafsu mereka. Sudah cukup bagi kita untuk menjawab persoalan ini dengan dua alasan.

¹ Imam Al-Nawawi, Ibid, hal 325

² Dairah Al-Ma'rif Al-Islamiyyah Al-Arabiyyah, jil. 10, hal 355 - 356.

Pertama : al-Qur'an telah menggunakan kata zakat dengan pengertian yang difahami oleh kaum Muslimin sekarang semenjak awal kurun Mekah. Seperti dijelaskan oleh al-Qur'an dalam surah :-

- 1) Al-A'raf : ayat 156.
- 2) Maryam : ayat 31 dan 55.
- 3) Al-Anbiya : ayat 72.
- 4) Al-Mukminun : ayat 4.
- 5) Al-Nahl : ayat 3.
- 6) Al-Rum : ayat 39.
- 7) Luqman : ayat 3.
- 8) Fussilat : ayat 7.

Telah dikenal pasti bahawa Nabi Muhammad s.a.w. tidak pernah mengetahui bahasa Ibrani atau bahasa apapun selain dari bahasa Arab. Baginda hanya berhubungan dengan orang-orang Yahudi setelah berhijrah ke Madinah. Bagaimanakah mungkin baginda mengambil bahasa Yahudi seperti tuduhan Schacht ?.

Kedua : Jauh sekali dan tidak sesuai dengan fikrah seorang ilmuan dan methodologi ilmiah, ilmuan yang mengatakan bahawa sesuatu perkataan yang diambil dari bahasa lain apabila terdapat dua perkataan yang sama erti dalam kedua bahasa tersebut kerana kesamaan itu tidak mesti bererti bahawa salah satu pihak mengambil dari bahasa yang satu lagi.

Kemudian ianya mengaskan bahasa yang tadi mengambil dan yang satu lagi diambil. Ini adalah pendapat yang tidak ada dalil atau hujah dan merupakan tindakan yang tidak berasas. Mereka yang sengaja melakukan demikian dikira sebagai tidak lagi memiliki kejujuran ilmiah dan mental sebagai seorang ahli ilmuan.

Perkataan “*al-Zakat*” disebut sebanyak 32 kali di dalam al-Qur'an. 27 kali daripadanya disebut bersama dengan perkataan “*al-Solah*” (sembahyang) dalam satu ayat. Dalam surah al-Mukminun (23) ayat 2 dan 4 pula ia disebut beriringan dengan *al-Solah* tetapi dalam ayat yang berlainan.¹

Pengertian Gaji :

1. Gaji mengikut kajian zakat ialah sesuatu pekerjaan yang dijalankan oleh seseorang dengan orang lain (majikan) samada majikan tersebut kerajaan atau swasta dan mempunyai syarat-syarat perkhidmatan yang tertentu dengan menggunakan tenaga pengetahuan ataupun dengan menggunakan tenaga dan kemahiran.²
 2. Hasil dari penggunaan tenaga, kemahiran dan juga pengetahuan dan juga syarat-syarat perkhidmatan yang tertentu maka bayaran-bayaran yang diterima itu samada secara harian atau bulanan dalam tempoh setahun dinamakan upah, gaji, gantirugi atau hadiah dan ganjaran. Harta-harta yang didapati ini dikenali sebagai *Al-Mal al-Mustafad* (الملأ المستفاد).
- Apabila diperolehi dari hasil-hasil ini apabila mencukupi syarat-syaratnya maka diwajibkan zakatnya.

Diantara pendapatan yang menonjol di zaman sekarang ialah pendapat dari gaji dan upah yang diterima oleh seseorang hasil dari pekerjaannya. Samada kerja tersebut kerja

¹ Datuk Hj. Hassan Ibrahim, *Asas Pengiraan Zakat*, cet. Persatuan Kebajikan Islam Hasil Dalam Negeri, Kuala Lumpur, (Edisi Baru), 1989, hal 1.

² Sheikh Najisarbini, *Kalifa Tuqaddiru Wa Tuaddi Zakata Awwalika*, hal. 159.

bebas (sendiri) seperti Doktor, Peguam, Tukang Kayu dan Tukang Jahit atau ia bekerja dengan Jabatan Kerajaan atau Swasta dan ia mendapat pendapatan gaji bulanan daripadanya.

Orang yang mula-mula mengambil zakat dari pemberian ialah Muazwiyah bin Abu Sufian dan diikuti kemudiannya oleh Umar bin Abdul Aziz. Maka dengan sebab itu ada kalangan yang menggesa supaya diambil zakat dari pendapatan gaji dan upah atas kadar 2.5% yang dipotong dari gajinya setiap bulan jika kadarnya lebih daripada nisab. Justeru itu jugalah maka dikenakan zakat ke atas pendapatan pengusaha atau pekerja bebas, tetapi dikenakan pada penghujung setiap haul.¹

Gaji ialah pendapatan seseorang yang merupakan ganjaran daripada usaha yang dilakukannya.²

¹ Hassan Muhammad al-Azbawi, **Al-Mawarid Al-Maliah Al-Islamiyyah**, hal 62

² Prof. Madya Dr. Abd. Rashid Haji Dail, Kertas Kerja bertajuk **Konsep dan Perbezaan Kaedah Pengiran Zakat Penggajian dan Perniagaan Bagi Individu Dan Syarikat**, Seminar Penyelaras Zakat dan Cukai Pendapatan di Malaysia, 1408H/1988M, hal . 2

FASAL KEDUA : KEDUDUKAN ZAKAT DI MEKAH

Antara cara yang digunakan di Mekah ialah Allah memuji orang yang membayar zakat dan dikejinya orang yang tidak membayar zakat.

Dalam Surah al-Rum, Allah memerintahkan supaya hak kerabat, orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan diberikan dan kemudiannya Allah membandingkan antara riba yang pada zahirnya nampak seakan-akan menambah kekayaan seseorang tetapi pada hakikatnya ialah menguranginya. Dijelaskan kesan zakat yang pada zahirnya kelihatan seperti mengurangi kekayaan seseorang tetapi pada hakikatnya ianya menambah kekayaan. Firman Allah Ta'ala :

فَآتِ الْفَقِيرَ حِلَالَهُ وَالْمُسْكِنَ وَإِنَّ السَّبِيلَ إِلَّا كَ خَيْرٌ لِلذِّي
يَرِيدُونَ حِلَالَهُ وَإِنَّكَ عَمَّا أَسْأَمَ مِنْ رِزْقَ الْبَرِيَّا
خَامِلَ النَّاسَ فَلَا سُرْعَةَ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّمَا أَنْشَأَ مِنْ نَارِ
وَجْهِ اللَّهِ وَإِنَّكَ عَمَّا لَا يَعْلَمُونَ ۚ

Urtinya :

"Maka (bagi mengatakan sikap syukur) berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang muksir akan haknya masing-masing. Pemberian yang demikian adalah baik bagi orang-orang yang bertujuan memperolehi keredhaan Allah dan mereka itulah orang-orang yang berjaya. Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredhaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda."

¹ Surah al-Rum : 38 - 39

Dalam surah al-Nafâ', Allah menerangkan siapakah yang dikatakan orang yang beriman dan menjadikan al-Qur'an sebagai pedoman dan pertunjuk. Firman Allah Ta'ala

ذلك أيات العوان ولناب مبين هجرى . ستر للهود من ين
الذين يفسيون إلـ لدة - ولنـون المرطـة وهمـ الرـمـ .

Ertinya:

"Inilah ayat-ayat al-Qur'an, juga kitab yang jelas nyata (kandungannya dan kebenarannya) menjadi hidayah pertunjuk dan berita gembira bagi orang-orang yang beriman iaitu mereka yang tetap mendirikan sembahyang dan memberi zakat sedang mereka pula percaya dengan yakin akan hari akhirat".

Biasanya dihubungkan membayar zakat dengan mendirikan sembahyang. Ini menunjukkan bahawa yang dimaksudkan dengan zakat tersebut ialah zakat harta kekayaan.

Di permulaan Surah Luqman, Allah berfirman · .

ذلك آيات الكتاب الحليم صدق ووجهه للحسين الذي
لعلهمون بالصلة وليكونون الزكاة . د

Ertinya :

¹ Surah al-Naml : 1 -3)

² Surah Luqman : 3 -4

"Ini ialah ayat-ayat kitab (al-Qur'an) yang mengandungi hikmat-hikmat dan kebenaran yang tetap kukuh. Menjadi hidayah pertunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang sedia mengerjakan amal-amal yang baik, iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan memberi zakar".

Apa yang ditegaskan dalam ayat yang lalu ditegaskan lagi dalam Surah al-Mu'minun. Allah menerangkan sifat-sifat orang mu'min yang berhak memperolehi syurga Firdaus iaitu Firman Allah :

وَالَّذِينَ حُمِّلُوا الزَّكَاةَ فَلَا يُخْلُونَ .¹

Ertinya :

"Dan orang-orang yang menunaikan zakar".

Dalam Surah al-A'raf, Allah menceritakan kisah nabi Musa dengan kaumnya.

Firman Allah :

وَرَبَّتِي وَرَسَّتِي مُكَلِّفًا لِّلَّذِينَ
يَتَقْرَنُونَ وَيَوْئِنُونَ الزَّكَاةَ وَالَّذِينَ حُمِّلُوا زَكَاةً
لِّيَوْمَ الْحِسْنَاتِ .²

Ertinya :

¹ Surah al-Mu'minun : 4

² Surah al-A'raf : 156 - 157.

"Dan rahmatKu meliputi segala sesuatu. Maka akanKu tetapkan rahmatKu untuk orang yang bertaqwa, yang menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat kami."

Dalam Surah al-Fusilat, Allah mengancam orang-orang Musyrik dan menerangkan sifat-sifat mereka iaitu tidak membayar zakat dan mengingkari hari Akhirat.

Firman Allah :

وَوَلِي لِمَنْ لَيْسَ الظَّالِمُونَ إِذَا مَرِأُوا مَالَ أَخْرَى
وَلِمَنْ يَعْصِي رَبَّهُمْ فَإِنَّ رَبَّهُمْ لَغَنِيمَانٌ

Ertinya:

"Celakalah orang-orang yang mempersekuatukan Allah iaitu orang-orang yang tidak membayar zakat dan mengingkari hari akhirat".

Maka orang-orang mukmin yang membayar zakat dan mereka menyakini adanya hari akhirat, sedangkan orang-orang yang mempersekuatukan Tuhan tidak membayar zakat dan mengingkari hari akhirat.

Sebahagian ahli tafsir berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan zakat dalam ayat di atas adalah zakat fitrah iaitu membersihkan diri dari segala noda sedangkan noda yang paling utama adalah syirik sesuai dengan firman Allah .

قَدْ أَذْلَعَ مِنْ تَنْكِي²

¹ Surah al-Fussilat : 6 - 7)

² Surah al-Syams : 9

Ertinya :

"Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan dirinya."

Perkara tersebut tidak sesuai dengan pendapat yang mengatakan bahawa zakat kekayaan hanya diwajibkan di Madinah. Ibnu Jarir al-Tabari menolak pendapat di atas dan berpendapat bahawa maksud ayat tersebut adalah bahawa orang-orang tersebut tidak mengeluarkan zakat "harta" yang bererti bahawa kata zakat adalah bermaksud zakat kekayaan.¹ Pendapat al-Tabari ini diperkuatkan lagi oleh kenyataan bahawa kata zakat dimulai dengan kata al-Ita' (الإِتَّاء) yang bererti al-I'ta' (إِتَّاء) iaitu memberikan, maka ianya lebih hampir kepada maksud zakat harta.

Perkara-perkara yang perlu diperhatikan mengenai zakat dalam surah-surah yang turun di Mekah ialah ianya, tidak dalam bentuk perintah (أَمْرٌ) untuk menunjukkan erti wajib dilaksanakan segera, tetapi ianya berbentuk kalimah-kalimah biasa. Ini adalah kerana zakat hanya dipandang sebagai ciri-ciri utama orang-orang yang beriman, bertaqwah dan berbuat kebajikan;² iaitu orang-orang yang membayar zakat dan mereka yang melaksanakan zakat, atau sebaliknya dinilai sebagai orang-orang musyrik bila tidak melaksanakan kewajiban terserbut.

Dari kenyataan dapatlah difahami bahawa zakat itu wajib kerana untuk memiliki sifat-sifat orang yang beriman dan membuang sifat-sifat orang yang musyrik di sini jelas menunjukkan ianya wajib.

¹ Ibnu Jarir, Tafsir al-Tabari, penerbitan al-Halabi, jilid 24, hal. 93.

² Kecuali pengertian ayat terakhir Surah al-Muzammil,

(وَأَقْرَبُوا مِنَ السَّيِّرِ مِنْ دُلُجْ وَأَقْبَلُوا الْمُكَطَّلَةَ)

Dalam sejarah perundangan Islam, zakat hanya diwajibkan di Madinah. Tetapi mengapa al-Qur'an membicarakan perkara tersebut begitu banyak dalam surah-surah yang turun di Mekah ?.

Ini adalah kerana zakat yang termaktub dalam surah-surah yang turun di Mekah tidaklah sama dengan zakat yang diwajibkan di Madinah di mana nisab dan kadarnya sudah ditentukan. Orang-orang yang mengumpul dan membahagikannya telah ditentukan dan negara bertanggungjawab mengelolakannya.

Zakat di Mekah adalah secara mutlak ianya tidak ditentukan had dan jumlahnya tetapi ianya di keluarkan atas rasa keimanan, kemurahan hati dan perasaan bertanggungjawab seseorang terhadap orang lain sesama orang-orang beriman. Sedikit sudah memadai tetapi apabila keadaan memerlukan, zakat boleh dikeluarkan lebih banyak lagi.¹

Menurut ibnu Kathir ketika menerangkan ayat al-Qur'an (وَالنِّسْمَةُ مِنْ مَرْكَبَةِ مَالِهِنَّ) kebanyakan ahli tafsir berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan zakat dalam ayat ini adalah zakat. "Kebanyakan ahli tafsir berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan zakat dalam ayat ini adalah zakat harta walaupun ayat tersebut turunnya di Mekah. Tetapi ianya diwajibkan di Madinah pada tahun 2 Hijrah. Fakta menunjukkan bahawa zakat yang diwajibkan di Madinahlah yang mempunyai nisab dan kadar tertentu. Sekiranya tidak demikian maka ianya bererti zakat diwajibkan pertama kali di Mekah (pada zahirnya sahaja)"²

¹ Dr. Yusuf al-Qardawi, *Fikh al-Zakah*, ibid, hal 60 -61

² Ibnu Kathir, *Tafsir Ibnu Kathir*, cef. al.Halabi, jil. 3, hal 238 - 239.

1.2.2 : KEDUDUKAN ZAKAT DI MADINAH

Semasa kaum muslimin di Mekah mereka di ganggu gugat oleh orang-orang kafir untuk melaksanakan agama Islam. Di Madinah mereka merupakan jamaah yang telah memiliki daerah negeri dan pemerintahan sendiri. Oleh sebab itulah tanggungjawab Islam terhadap mereka dalam bentuk baru sesuai dengan perkembangan tersebut iaitu dalam bentuk penghususan atau dalam bentuk yang mengikat. Tidak lagi dalam bentuk umum.

Lantaran itulah perlaksanaannya memerlukan kekuasaan disamping didasarkan atas perasaan iman. Kecenderungan tersebut kelihatan pula pada perlaksanaan zakat : Allah mengaskan jenis-jenis harta yang wajib dikeluarkan zakat, syarat-syarat wajib zakat, kadarnya, asnaf-asnafnya dan badan atau organi semi organisasi yang bertanggungjawab mengatur dan mengelokannya.¹

Ayat-ayat al-Qur'an yang turun di Madinah menegaskan zakat itu wajib dalam bentuk perintah yang tegas dan cara perlaksanannya yang jelas. Dalam Surah al-Baqarah misalnya terdapat pernyataan berikut :

وَأَقِيمُوا الْمَدْرَةَ وَاتَّوَا الزَّكَاةَ ۖ

Ertinya:

"Dirikanlah olehmu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat".

Juga terdapat berbagai bentuk pernyataan dan ungkapan yang menegaskan wajibnya zakat tersebut.

¹ Dr. Yusuf al-Qardawi, *Ibid*, hal. 62

² Surah al-Baqarah : 110

Dalam Surah At-Taubah ada beberapa perkara penting yang dijelaskan mengenai zakat iaitu :-

- a) Dalam ayat-ayat permulaan, Allah memerintahkan agar orang-orang Musyrikin yang melanggar perjanjian damai dibunuh, kerana mereka telah diberi kebebasan bergerak dan memilih sesuatu yang baik dalam masa empat bulan.

Firman Allah:

عِزَّا اسْلَمَ الرَّسُولُ حَتَّىٰ اتَّلَمَّا الْمَنَّ لِلْحَمْدِ
وَحَسَّنَهُ حَتَّىٰ امْكَنَ امْسِرَةً وَاحْدَةً كُلَّ مَرْدَقٍ
وَانْتَبَحَ اصْمَوَالَ لَوَّةً اثْوَالَ زَطَّةً حَتَّىٰ اسْبَلَّهُ
إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ حَمْدًا

Ertinya :

"Apabila sudah tamat bulan-bulan haram itu, maka perangilah orang-orang Musyrikin itu di mana kamu jumpai mereka dan tangkaplah mereka. Kepungilah mereka dari awasilah di tempat pengawasan. Jika mereka bertaubat dan mendirikan solat dan menuaiakan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka untuk berjalan. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

Oleh itu terdapat tiga syarat untuk menghentikan mereka dari diperangi dan diberi kebebasan.

- 1) Bertaubat dari syirik, buktinya adalah dengan mengucap dua kalimah syahadah.
 - 2) Mendirikan solat wajib, sebagai perialisasikan iman yang merupakan salah satu rukun Islam yang harus dikerjakan setiap hari dan merupakan kriteria perbezaan antara seorang muslim dengan kafir. Ianya juga merupakan rantai penghubung agama, spiritual dan sosial antara Islam.

1 Surah at-Taubah: 5

- 3) Membayar zakat yang dikenakan keatas harta orang-orang kaya untuk orang-orang yang memerlukan rantai penghubung material, sosial dan politik dalam masyarakat Islam.
- b) Mengenai ikatan seagama.

Allah berfirman:

عَنْ نَبِيٍّ . أَقْرَأَهُ الْكِتَابَ . أَنَّمَا الظِّلْمَ الَّذِي
لَا يَرْجِعُ لِلْأَنْفَاسِ لِمَنْ يَصْنَعُ .

Ertinya:

"Apabila mereka bertaubat, mendirikan solat dan membayar zakat maka mereka adalah taman seagamanya. Kami menjelaskan ayat-ayat Kami kepada orang-orang yang mengetahui".

Para ulama' semenjak zaman sahabat telah memperingatkan satu hal penting iaitu bahasa al-Qur'an biasanya menghubungkan solat dengan zakat dan jarang sekali antara keduanya dipisahkan.

Abdullah bin Mas'ud berkata: *"Kamu diperintahkan supaya mendirikan solat dan membayar zakat, sesiapa yang tidak membayar zakat, maka tidak berertilah solatnya"*.

Ibnu Zaid berkata: *"Solat dan zakat diwajibkan bersama ianya tidak dipisahkan"*. Kemudian beliau membaca ayat seperti di atas. *"Solat tidak akan diterima tanpa zakat. Allah selamatkan Saidina Abu Bakar yang benar-benar faham mengenai masalah ini"*²

¹ Surah al-Taubah :11

² Al-Tabari, Tafsir al-Tabari, Cet. al-Ma'arif, jil. 14, hal. 153.

- c) Allah memberi ancaman kepada orang yang memiliki emas dan perak yang tidak mahu mengeluarkan zakat.

Firman Allah:

وَالَّذِينَ لَا يُنفِعُونَ إِلَّا هُمْ أَنفَعُ لِلَّهِ
فِيمَا يَنْفَعُونَ بِعِصَابِ الْيَمِينِ كَبِيرُ حِجَّةٍ
خَلَقَهُمْ مِنْ حَمَّا وَحْشًا فَلَمَّا دَرَأَ زَانَ الْمَاءَ
لَا يَنْفَعُونَ كُلَّنَّ اَنْتَمْ لَكُلُّنَّ

Ertinya:

"Orang-orang yang mengumpul emas dan perak serta tidak menafkahnya ke jalan Allah, peringatkanlah mereka mengenai azab yang pedih. Pada hari emas dan perak dipanaskan dalam api neraka lalu dibakar dengannya dahi-dahi mereka, rusuk-rusuk dan belakang-belakang mereka dan dikatakan kepada mereka, inilah kekayaan yang kamu himpulkan dahulu rasakanlah olehmu kekayaan yang kamu simpan itu."

Para ulama' mengatakan bahawa ancaman dalam ayat ini amat berat kerana sifat kedekut mereka. Sekiranya mereka takut pada ancaman yang berat itu, mereka tentu akan patuh pada perintah Allah secepat mungkin.²

- d) Allah memberi perintah kepada RasulNya dan sekalian mereka yang bertugas memimpin ummat Islam sesudah beliau.

¹ Surah at-Tawbah ; 34 - 35

² Dr. Yusuf al-Qardawi, Ibid, hal. 64.


Firman Allah:

وَ اعْلَمُ بِمَا يَنْهَا مِنْ أَوْلَى الْأَرْضِ فَإِذَا
1. جملة

Ertinya:

"Ambillah zakat dari kekayaan mereka, bererti kau membersih dan menyucikan mereka dengan zakat itu, kemudian doakanlah mereka, doamu itu sungguh memberikan kedamaian buat mereka. Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

Ahli-ahli tafsir menjelaskan bahawa min (من) dalam ayat  bererti "sebahagian" oleh kerana sedekah yang diwajibkan itu bukanlah pada semua harta tetapi sebahagiannya sahaja.

Manakala kalimah  "harta-harta milik mereka" bukan  dalam ayat tersebut bererti bahawa harta-harta kekayaan itu meliputi berbagai jenis kekayaan. Kata ganti () yang bersambung dengan kalimah tersebut maksudnya ialah semua orang-orang Islam. Inilah pendapat jumhur ulama' tafsir. Inilah yang menjadi titik tolak mengapa kekayaan seluruh umat Islam itu wajid dikenakan zakat kerana mereka adalah sama sahaja kedudukannya di sisi agama².

Sebahagian ulama' berpendapat bahawa sodaqah dalam ayat di atas tidak bererti zakat tetapi adalah sedekah yang diwajibkan kepada orang-orang yang tidak ikut perang Tabuk iaitu mereka yang mencampur adukan antara benar dengan salah. Kategori dalam ayat tersebut adalah ditujukan kepada mereka yang tidak ikut serta dalam peperangan Tabuk.

¹ Surah at-Taubah : 103

² Al-Tabari, Majma' al-Bayan., mengenai tafsir ayat tersebut

Manakala sedekah wajib diambil dari kekayaan mereka supaya dosa-dosa mereka terhapus. Tetapi di sini adalah surat dan hanya khusus untuk mereka sahaja. Maksud ayat di sini bukanlah keumuman lafaz tidaklah mengkhusukan sebab. Maka mengenai kewajiban zakat tidak boleh hanya ditujukan kepada mereka yang tidak ikut serta dalam perang Tabuk sahaja ianya adalah rukun Islam bukannya sebagai denda bagi sesuatu kesalahan¹. Begitulah juga menurut pendapat al-Tabari².

Kebanyakan ahli tafsir menyatakan bahawa maksud sodaqah dalam ayat tersebut adalah zakat. Jumhur ulama' berpegang pada pendapat ini dalam menerangkan hukum-hukum mengenai zakat yang menunjukkan bahawa konteks kalimah sebagai kalimah baru tidak menghalangi maksud ayat tersebut adalah mengenai zakat. Ini adalah kerana berdasarkan kepada hubungan ayat tersebut dengan ayat yang sebelumnya dan selepasnya. Begitulah juga menurut pendapat Ibnu Abbas dan Ikrimah seperti yang dinyatakan oleh Qusyairi³.

Ada kemungkinan ayat tersebut mempunyai hubungan dengan ayat sebelum dan sesudahnya iaitu bahawa zakat diwajibkan kepada orang yang tidak ikut serta dalam perang Tabuk. Lalu sesudah mereka bertaubat, mengikut Islam dengan baik dan membayar zakat maka Allah memerintahkan rasulNya supaya memungut zakat tersebut daripada mereka. Zakat tidak diterima dari orang munafik⁴.

¹ Allamah Syarifuddin al-Husaimi bin Ahmad, **Al-Raudh al-Nadhir Syarh Majmu' al-Fiqh al-Kabir**, jil. 2, hal. 410.

² Al-Tabari, **Tafsir al-Tabari**, cet. al-Maarif, jil. 14, hal. 454-456.

³ Al-Qurtubi, **Tafsir al-Qurtubi**, jil. 8 hal. 244, Ibnu Kathir, **Tafsir Ibnu Kathir**, jil. 2, hal. 385-386, Ibnu Arabi, **Ahkam al-Qur'an**, hal. 997-998.

⁴ Fakhr al-Razi, **al-Tafsir al-Kabir** jil. 16, hal. 177